



ANNUR Hadi menelaah pelajaran menggunakan buku dan komputer.

Program berteras ICT

■ AeU perkenal kaedah pembelajaran hubungkan penuntut dengan kerja semasa

Oleh Rosyahaida Abdullah
rosyahaida@hmetro.com.my

S elaras kepentingan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam agenda pembangunan ekonomi negara, penghasilan tenaga mahir dan pakar dalam bidang terbabit kian signifikan ke arah menjayakan segala inisiatif nasional termasuk Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Asia e University (AeU) meneruskan kesinambungannya dalam usaha ini dengan penawaran program akademik berteraskan ICT melalui Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (SICT) yang bermatlamat memberi peluang kepada golongan bekerja menimba ilmu berkaitan industri dan kemahiran teknikal.

Tiga program sarjana muda ditawarkan di bawah sekolah ini merangkumi Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sarjana Muda Digital Media Kreatif dan Sarjana Muda Teknologi (Teknologi Maklumat) yang memberi tumpuan kepada kefahaman asas serta prinsip sains komputer, selain senario semasa industri ICT.

Manakala di peringkat sarjana, program Sarjana Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi ditawarkan dengan fokus terhadap kaedah dan aplikasi pengurusan ICT.

Semua program ini direka khas untuk melengkapkan penuntut dengan konsep teori dan analisis yang mengupayakan mereka mengharungi cabaran dunia teknologi maklumat.

Pendekatan terkini seperti projek berorientasikan praktikal serta pembelajaran berasaskan kerja membolehkan pe-

nuntut melakukan tugas mengikut skop kerja semasa berkaitan ICT di syarikat mereka.

"Kami memperkenalkan kaedah pembelajaran berasaskan kerja dalam program ICT bagi menghubungkan penuntut dengan kerja semasa mereka," kata Dekan SICT AeU, Prof Dr Syed Malek Fakar Duani.

Program ICT di AeU ditawarkan melalui sistem pengajaran jarak jauh fleksibel atau Open Distance Learning (ODL) di mana golongan profesional boleh mengikutinya tanpa perlu berhenti kerja.

Lepasan sarjana pula berpeluang menaik taraf jawatan di peringkat pengurusan ICT seperti Pengurus ICT, Pengarah ICT, Ketua Pegawai Teknologi (CTO) dan Ketua Pegawai Maklumat (CIO).

Penuntut Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi Annur Hadi Hashim menyifatkan program ICT di AeU menyediakan ilmu praktikal diperlukannya untuk berjaya.

"Dalam kesibukan menyiapkan tugas dan menghadiri kuliah, saya masih mempunyai banyak masa bersama keluarga," katanya.

Pendaftaran untuk sesi pengajian Januari 2014 masih dibuka hingga 16 Februari ini secara atas talian.

Kunjungi Hari Previu AeU hari ini di kampus induk AeU Kuala Lumpur dari jam 9 pagi hingga 2 petang di mana Program Orientasi dan Pendaftaran berlangsung serentak.

Hubungi talian bebas tol 1-300-300-238 atau layari www.aeu.edu.my, www.facebook.com/AsiaeUniversityFans, twitter.com/asiaeuniversity serta www.youtube.com/asiaeuniversity

